




Boost rapatkan jurang kredit perniagaan kecil

Julai 10, 2022 @ 2:43pm



Konsortium Boost dan RHB Banking Group adalah antara lima penerima lesen bank digital di Malaysia - Foto hiasan

GEORGE TOWN: Bermula hanya sebagai syarikat e-dompet yang menyediakan kaedah alternatif untuk membuat pembayaran digital pada 2017, Boost kini berkembang menjadi peserta teknologi kewangan (fintech) spektrum penuh serantau yang memenuhi keperluan segmen yang tidak dan kurang menerima perkhidmatan, terutama perusahaan mikro, kecil dan sederhana (PMKS).

Ketua Pegawai Eksekutif (CEO) Kumpulan Boost, Sheyantha Abeykoon, berkata sejak memulakan perjalanan lima tahun lalu sebagai e-dompet merintis pembayaran menerusi kod QR dan menggalakkan rakyat Malaysia menerima penggunaan tanpa tunai, Boost telah mengembangkan perniagaan teras.

Beliau berkata, pihaknya mengembangkan perniagaan teras Boost merangkumi pembiayaan mikro, insurans mikro, perkhidmatan kandungan rentas sempadan dan penyelesaian peniaga yang memudahkan proses pendigitalan perniagaan.

"Kami mengembangkan perniagaan ini secara berasingan sejak empat tahun lepas dan kami menyatukannya di bawah satu payung kira-kira satu setengah tahun lalu.

"Kini, Boost adalah peserta fintech spektrum penuh di Asia Tenggara dengan lima entiti berbeza iaitu Boost Life, Boost Biz, Boost Credit, Boost Connect dan Boost Indonesia, menjadikan kami antara syarikat fintech yang menawarkan penyelesaian untuk pembayaran pengguna, perkhidmatan peniaga, pinjaman untuk perniagaan kecil dan kami juga mempunyai perkhidmatan pengiriman wang untuk perusahaan," katanya dalam satu temu bual bersama Bernama.

Sheyantha berkata, selain itu, apabila Bank Negara Malaysia (BNM) menamakan konsortium Boost dan RHB Banking Group sebagai antara lima penerima lesen bank digital, ini pasti akan membawa syarikat semakin menghampiri aspirasinya yang lebih besar dalam segmen perbankan.

Sheyantha berkata, Boost telah menjalinkan hubungan kukuh dengan PMKS atas dasar kepercayaan, di mana Boost dapat menyediakan pembiayaan alternatif untuk mereka berasaskan data transaksi mereka dengan Boost.

Beliau berkata, pendekatan dipacu data ini digunakan untuk praskor kewangan perniagaan dan memberi mereka kemudahan pinjaman tanpa memerlukan sebarang penyata bank.

"Kami dapat membantu ramai peniaga, terutama mereka yang tidak layak mendapat pembiayaan dari bank. Kami telah mengeluarkan hampir RM1 bilion pinjaman sejak empat tahun lalu dan sebahagian besar daripadanya telah dilakukan dalam tempoh 24 bulan lalu.

"Lebih 40 peratus daripada peniaga ini adalah baharu dari segi kredit, ini bermakna mereka tidak pernah mengambil pinjaman sebelum kami membuat tawaran kepada mereka. Ramai bercakap mengenai keterangkuman kewangan, tetapi PMKS sering dipinggirkan," katanya.

Beliau yakin Boost boleh membantu golongan peniaga ini untuk terus bertahan terutama ketika pandemik kerana pinjaman tidak berbayar syarikat kekal rendah iaitu pada dua hingga tiga peratus pada masa ini.

Mengenai saiz pinjaman bagi setiap peniaga, beliau berkata purata adalah RM20,000 namun Boost mampu menawarkan pinjaman sekecil mana yang diperlukan.

"Kami pernah memberi pinjaman serendah RM1,000 sebelum ini. Kami mampu melakukannya kerana kami adalah platform digital," katanya.

CEO Boost Biz, Eric Chong, berkata pandemik COVID-19 banyak mempengaruhi cara perniagaan beroperasi dan yang paling penting, ia telah mempercepat transformasi digital dunia.

"Semasa pandemik, kami melancarkan satu ciri yang dipanggil 'Boost Payment Link', yang membolehkan peniaga mengutip jumlah pembayaran tertentu daripada pelanggan melalui perkongsian pautan yang boleh dihantar melalui SMS atau aplikasi Whatsapp.

"Kami juga telah bekerjasama dengan Malaysia Digital Economy Corporation (MDEC) untuk membantu peralihan peniaga daripada luar talian kepada dalam talian. Pada 2020 hingga 2021, kami menerima kira-kira 45,000 peniaga, terdiri daripada PMKS dan lebih 5,000 daripada jumlah itu merupakan peniaga dari Pulau Pinang," katanya.

Beliau berkata, pihaknya juga menandatangani Memorandum Persefahaman (MoU) dengan Majlis Bandaraya Seberang Perai (MBSP) pada September 2021 supaya peniaga tidak perlu lagi beratur untuk membayar sewa gerai, kompaun tempat letak kenderaan malah mudah untuk membuat pembayaran cukai taksiran kepada MBSP melalui platform ini.

Boost Biz mencatatkan kemajuan yang baik dengan mencapai hampir 500,000 titik sentuh peniaga di seluruh negara, di mana lebih 35,000 titik sentuh itu berada di Pulau Pinang, katanya.

Chong berkata, syarikat juga bekerjasama dengan rakan kongsi besar seperti peruncit Pulau Pinang berusia 62 tahun, Sunshine Wholesale Mart Sdn Bhd, bagi menawarkan penyelesaian pembayaran untuk pembeli di kedai mereka di samping menyelaraskan elaun kakitangan Sunshine.

CEO Sunshine, Cynthia Hwang, berkata kerjasama dengan Boost telah membolehkan pihaknya membayar pelarasan kos sara hidup (COLA) bulanan kepada kakitangan mereka sebanyak RM250 untuk dibelanjakan di semua cawangan Sunshine melalui aplikasi Boost.

Sebelum ini, pembayaran COLA itu dilakukan secara manual melalui baucar fizikal yang memerlukan kertas kerja tambahan untuk jabatan sumber manusia (HR).

"Kerjasama dengan Boost telah memberi pengalaman lancar untuk jabatan HR kami," katanya.

Sementara itu, restoran nasi kandar yang terkenal dan tertua di Malaysia, Hameediyah juga telah menerima pendigitalan dan menikmati manfaatnya dengan menerima Boost.

Pengarah Operasi, Muhammad Riyaz Syed Ibrahim, berkata beliau melakukan kajian menyeluruh mengenai trend pendigitalan sebaik sahaja ia menjadi fenomena serta cara memastikan perniagaan makanan berusia 115 tahun itu terus berkembang.

"Saya berbincang dengan pengurusan tertinggi mengenai perkara ini, dan mengatakan kami tidak boleh meneruskan cara lama pembayaran tunai. Ketika itulah keputusan untuk bekerjasama dengan Boost muncul.

"Boost telah banyak membantu perniagaan kami, terutama sejak ramai pelanggan kami kini memilih untuk melakukan transaksi tanpa tunai," katanya. -BERNAMA